

Nama:

Kelas:

Tarikh

Cikgu Roslan Daud

SEKTOR PERTANIAN

Standard Pembelajaran

2.3.1 Membaca dan menilai bentuk serta kandungan teks daripada pelbagai bahan dengan betul dan tepat.

Baca semua bahan yang disertakan di bawah, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Bahan 1 - Petikan

Menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) yang besar dan penting, menuntut tanggungjawab serta amanah cukup besar. Walaupun nama kementerian diubah, kita tidak lari daripada perjuangan asal untuk menerajui transformasi sehingga memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha tanaman, ternakan dan perikanan. Kementerian sentiasa memberikan galakan kepada kumpulan sasar untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi. Inisiatif ini dapat dilihat ketika pembentangan Belanjawan 2020 apabila RM43 juta diperuntukkan ke arah pembangunan Industri Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka berkualiti dan berproduktiviti tinggi, seterusnya memacu ekonomi negara melalui sektor agromakanan.

Melihat kembali cabaran dihadapi, pertambahan penduduk yang dianggarkan 1.1 peratus setahun memerlukan usaha penghasilan bahan makanan setempat. Hal ini turut memberikan kesan kenaikan import makanan. Selain itu, guna tanah pertanian untuk sektor agromakanan juga terhad pada kurang 10 peratus daripada lapan juta hektar tanah pertanian negara, yang sebahagian besarnya membabitkan kelapa sawit dan getah. Aspek guna tenaga serta produktiviti turut mengundang cabaran. Hal ini berpunca daripada status petani yang sudah berumur dengan kekurangan pelapis atau pengganti serta masih mengamalkan kaedah pertanian konvensional atau kurang penggunaan mekanisasi atau automasi selari dengan tuntutan Revolusi Pertanian 4.0.

Di samping itu, persepsi dalam kalangan belia bahawa bidang pertanian tidak memberikan jaminan kehidupan berkualiti juga membelenggu. Hal ini menyebabkan sektor pertanian terus bergantung pada buruh asing. Lebih teruk lagi, sektor pertanian mencetuskan polemik industri dari segi kos, sama ada untuk melabur dalam bidang teknologi yang mahal atau mendapatkan buruh asing yang jauh lebih murah. Buat masa ini, hampir 37 peratus pekerja dalam industri ini tenaga kerja asing. Cabaran pelaksanaan sistem subsidi tidak lestari juga antara perlu diberikan perhatian. Paling penting, industri ini mesti diremajakan dengan penyertaan lebih ramai belia. Sesungguhnya, semua perlu sederap melaksanakan transformasi bidang pertanian dan industri makanan supaya sektor agromakanan menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tingkat usaha transformasi sektor pertanian'
oleh Datuk Seri Dr Ronald Kiandee,
Berita Harian Online, 27 Mei 2020

Bahan 2 - Keratan berita

Mahasiswa ceburi pertanian

Kurangkan masalah pengangguran, atasi kekurangan bekalan makanan

LANCHANG - Mahasiswa perlu diberi pendedahan ber-
kaitan sains dan sektor
pertanian supaya minda
mereka terbuka untuk melihat
potensi dalam bidang ini.

Pegawai
Terminoh, Juri Yusop ber-
kata, majoriti kepusan univer-
siti berakap memilih dan
cariwew dalam mendapatkan
pekerjaan menyebabkan
bilangan siswazah men-
ganggur meningkat.

Menurutnya, pihaknya
berseada memberikan tunjuk
ajar dan penerangan kepada
mana-mana mahasiswa yang
berminat mengetahui secara
terperinci berkaitan bidang
pertanian pada masa kini.

"Bidang pertanian kini
bukan seperti masa lampau di
mana keadaan sekarang jauh
lebih maju seiring perkem-
bangan teknologi. Tujuan
petani kini menjadi lebih
mudah dengan adanya pe-
bagai jentera dan teknologi.

"Kebanyakan graduan
menderung bekerja dalam
sektor kerajaan atau swasta.
Sebenarnya, jika ketika
menuntut di universiti boleh
dikombinasikan dengan sektor
pertanian dan usaha gajih
mampu menjadikan mereka
sebagai petani yang berjaya,"
katanya.

Beliau berkata demikian
kepada *Sinar Harian* selepas
memhawa 120 mahasiswa
Universiti Perguruan Sultan
Idris (UPSI) ke projek Tanaman
Kakal Pengeluaran Makanan
(TKPM), dekat sini.

Juri berkata, dia harap
dengan pendedahan itu men-
jadi pembakar semangat
kepada golongan siswazah
untuk mendalami bidang
pertanian.

Menurutnya, usaha ini
membekalkan lebih banyak
bilan makanan terutama
buah-buahan tempatan dalam
usaha meningkatkan ekonomi
negara.

"Dalam hal ini, Jabatan
Pertanian di setiap daerah akan
memantau perkembangan
petani dan sedaya upaya
membantu supaya perusahaan
itu menghasilkan hasil yang
banyak dan lumayan.

"Pihak jabatan juga sedia
memberi tunjuk ajar dan
sebagai kepada petani yang
baru berinkubasi dalam
sektor ini," katanya.

Pelajar UPSI bergambar di TKPM, Lanchang selepas mengadakan lawatan bersama Jabatan Pertanian Terengganu.

Bahan 3 - Grafik

Pencapaian Utama 2020

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

PENUBUHAN JAWATANKUASA KABINET MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA

Kerangka Sekuriti Makanan Negara (KSMN) telah dirangka berdasarkan konsep sekuriti makanan terkini yang diterbitkan Oleh Food Agriculture Organisation Of The United Nations (FAO).



[@JPenerangan](#)
[Japenmalaysia](#)
[Jabatan Penerangan Malaysia](#)
[Jabatan Penerangan Malaysia](#)
[@japentv](#)

Analisis soalan

Tema:

Fokus 1:

Fokus 2:

Fokus 3:

Aktiviti 2: Bina rumusan lengkap

Pendahuluan

Perenggan Isi

Kesimpulan